

27 JUN 1996  
Khalil-Industri  
DR MAHATHIR AKAN LAKUKAN PECAH TANAH MEC CITY

KUANTAN, 27 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan upacara pecah tanah tidak lama lagi untuk pembinaan MEC City, sebuah perbandaran moden bersepadu yang merupakan pusat pengeluaran peralatan elektrik Malaysia yang pertama, melibatkan nilai pelaburan beribu juta ringgit.

Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob hari ini berkata Malaysia Electric Corporation (MEC) Bhd, pengeluar barangan elektrik tempatan akan mewujudkan MEC City itu di kawasan kira-kira 1,400 hektar di kawasan perindustrian Gambang, bersebelahan Lebuhraya Timur Barat dekat sini.

Pembinaan MEC City itu akan dilaksanakan dalam lima fasa yang mengambil masa antara 10 dan 15 tahun dengan fasa pertama meliputi 160 hektar, katanya kepada pemberita selepas merasmikan ekspo perdagangan antarabangsa Pahang 1996 di sini.

Katanya, dengan wujudnya MEC City nanti, operasi MEC akan berpusat di situ. MEC City juga direka bentuk sebagai pusat perniagaan bandar moden dengan infrastruktur canggih dan kemudahan komunikasi moden yang dirancang untuk menjadi pusat sehenti pembeli luar negara bagi peralatan elektrik rumah buatan Malaysia.

Ia akan turut mempunyai pusat perumahan MEC serta pusat penyelidikan, pembangunan dan latihan MEC, sekolah, masjid dan kemudahan lain.

Khalil berkata kepentingan Kerajaan Pusat dalam projek itu ditentukan melalui Khazanah Holdings Bhd.

Katanya, selepas upacara pecah tanah itu dilakukan, kerja untuk membina MEC City itu akan dilakukan awal tahun depan.

Beliau juga berkata Kerajaan Negeri akan membuka kawasan perindustrian seluas 1,600 hektar di Bukit Goh, dekat sini berikutan kawasan perindustrian lain di sekitar Kuantan telah habis ditempah pekilang.

Ketika ditanya sama ada pembukaan kawasan itu akan melibatkan pengambilan tanah peneroka Felde di Bukit Goh, beliau berkata, "mungkin ya, dan mungkin tidak" dan kerajaan negeri masih dalam peringkat mengenal pasti kawasan berkenaan.

Kerajaan negeri setakat ini menetapkan kawasan perindustrian bagi daerah Kuantan seluas 6,400 hektar, katanya.

Terdahulu semasa berucap beliau berkata Pahang dan Terengganu akan sama-sama berusaha dan saling membantu untuk memastikan kejayaan mewujudkan kawasan industri koridor timur.

Pameran perdagangan lima hari itu turut disertai 19 syarikat dari China. -- BERNAMA

AZ NMO